



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk:**

**Ilmu Membina, Wahyu Membimbing**

**Tarikh Dibaca:**

**28 Syawal 1447H/**

**17 April 2026M**

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



**Ilmu Membina, Wahyu Membimbing**  
**28 Syawal 1447H/ 17 April 2026M**

الحمد لله القائل :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿ أَقْرَأْ بِأَسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾ العلق [1] ﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

**Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Khatib mengingatkan diri sendiri dan ahli jemaah sekalian agar sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dengan beristiqamah dalam mematuhi segala perintah-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya. Semoga dengan ketakwaan, kita beroleh kebahagiaan di dunia dan kejayaan di akhirat.

Pada hari yang berkat ini, mimbar ingin mengupas satu tajuk yang sangat penting dalam kehidupan umat pada hari ini, iaitu **“Ilmu Membina, Wahyu Membimbing.”**

**Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Islam membina tamadun bukan dengan kekuatan semata-mata, tetapi dengan ilmu yang dipandu wahyu. Wahyu pertama yang diturunkan kepada Rasulullah SAW adalah perintah membaca sebagaimana firman Allah SWT

pada ayat yang dibacakan tadi pada surah Surah al-'Alaq ayat 1 yang bermaksud:

*“Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk)”*

Ayat ini menunjukkan bahawa asas kekuatan umat ini ialah ilmu. Daripada wahyu inilah lahir tradisi keilmuan Islam yang agung, melahirkan ulama dan cendekiawan yang membina peradaban.

Allah SWT juga menegaskan pada Surah az-Zumar ayat ke 9:

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya: *Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?"*

Namun pada hari ini, kita berhadapan dengan satu realiti yang amat berbeza. Maklumat terlalu banyak tetapi kefahaman semakin cetek. Kita membaca tetapi kurang berfikir. Kita mengetahui tetapi kurang menghayati.

### **Sidang Jemaah sekalian,**

Hakikatnya, hampir seluruh rakyat Malaysia hari ini berada dalam dunia digital. Hampir setiap kita mempunyai akses kepada internet, dan sebahagian besar kehidupan kita berlaku di dalamnya. Media sosial bukan lagi sekadar alat, tetapi telah menjadi sebahagian daripada rutin harian manusia. Kita bangun pagi dengan telefon di tangan, sebelum sempat membuka Al-Quran, kita sudah membuka media sosial.

Kita menghabiskan berjam-jam dalam dunia maya, tetapi semakin kurang masa untuk menambah ilmu yang membina jiwa. Inilah cabaran besar umat hari ini bukan kekurangan maklumat, tetapi kehilangan panduan.

### **Sidang Jemaah yang dimulikan,**

Umat Islam dituntut bukan sahaja menuntut ilmu, tetapi menguasainya sebagai kekuatan ummah. Firman Allah SWT dalam Surah al-Anfal ayat 60:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ

Maksudnya: “Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan”

Kekuatan pada hari ini merangkumi pelbagai bidang termasuk sains, teknologi dan ekonomi. Kemajuan bukan lagi satu pilihan, tetapi satu keperluan agar umat Islam kekal berdaya saing, dihormati dan mampu memimpin peradaban.

Namun realitinya, kita masih ketinggalan dalam banyak aspek. Kita lebih banyak menjadi pengguna daripada pencipta. Kita lebih banyak bergantung daripada memimpin. Sedangkan umat yang kuat ialah umat yang menguasai ilmu dan memanfaatkannya untuk kebaikan manusia.

### **Sidang Jemaah yang dikasihi,**

Dunia hari ini bergerak pantas dengan perkembangan teknologi, termasuk kecerdasan buatan atau *Artificial Intelligence* (AI). Teknologi ini memberi manfaat yang besar, namun jika tidak dipandu dengan nilai, ia juga boleh membawa kerosakan.

Dalam Surah ar-Rum ayat ke 41, Allah SWT mengingatkan :

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ

Maksudnya: “Telah timbul kerosakan di darat dan di laut disebabkan oleh perbuatan tangan manusia.” Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia

Tanpa bimbingan wahyu, ilmu boleh menjadi punca kerosakan. Teknologi boleh menjadi alat penyebaran fitnah. Maklumat boleh menjadi senjata yang memecah-belahkan masyarakat. Pada hari ini, fitnah tersebar dengan begitu pantas. Berita yang tidak pasti kebenarannya disebarkan tanpa usul periksa. Sedangkan Allah SWT telah mengingatkan pada ayat ke 6 Surah al-Hujurat:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan kebenarannya)”

Justeru, dalam dunia yang penuh cabaran ini, umat Islam dituntut untuk bersabar, tenang dan bijaksana. Jangan mudah melatah. Jangan cepat menghukum. Jangan menjadi penyambung kepada fitnah.

### Sidang Jemaah sekalian,

Sesungguhnya ilmu tanpa wahyu boleh menyesatkan, tetapi ilmu yang dipandu wahyu akan membina keseimbangan antara kemajuan dan kemanusiaan. Sebagai iktibar daripada khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pedoman penting.

**Pertama**, jadikan Al-Quran sebagai asas tradisi ilmu dalam kehidupan.

**Kedua**, kuasai ilmu dalam pelbagai bidang sebagai kekuatan dan kemajuan ummah.

**Ketiga**, pastikan teknologi dan perkembangan semasa dipandu dengan nilai wahyu, serta jauhi penyebaran fitnah dalam apa jua bentuk.

Semoga kita menjadi umat yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga beriman, berakhlak dan beramanah dalam setiap tindakan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

أَحْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ  
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ  
وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ  
آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ  
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي  
فَدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ د-فَرْتَوَانِ اَكُوغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي فَدُوكْ بَكِينِدَا رَاغْ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، رَاغْ زَارِيثُ  
صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَائِهِ وَقَضَاتِهِ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَا لِيْزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

\* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ

يُعْظَمُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.